

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# MIC kemuka 20 calon

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu mengumumkan b e l i a u a k a n menyerahkan nama-nama calon parti itu kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Isnin ini.

Bellau memberitahu Berita Harian di bangunan Parlimen bahawa seramai 16 nama calon Dewan Undangan Negeri dan empat calon Dewan Rakyat akan diserahkan nanti.

MIC akan bertanding merebut 11 kerusi Dewan Undangan Negeri dan empat kerusi Dewan Rakyat dalam pilihanraya umum 22 April ini.

Datuk Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam berkata, empat calon Dewan Rakyat ialah tiga yang ada sekarang termasuk Timbalan Presiden MIC, Senator S. Subramaniam.

Katanya, kawasan yang akan ditandingi oleh Senator Subramaniam belum diketahui lagi kerana kerusi Damansara tidak tahu parti komponen mana yang akan ditandingi.

M I C t e l a h

menyerahkan kerusi Damansara itu kepada Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN. Sebaliknya meminta kerusi alternatif sebagai ganti," katanya.

Menurutnya lagi, MIC juga menyerahkan kerusi Dewan Undangan Negeri Melaka kawasan Kubu kepada pucuk pimpinan BN kerana harapan MIC untuk menang di kawasan itu amat tipis.

## Meminta

MIC telah beberapa kali mencuba nasib di kawasan tersebut tetapi gagal, kerusi itu kini dipegang oleh Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang.

Datuk Samy Vellu berkata, MIC perlu realistik dalam perkara ini, dan tidak meminta kerusi hanya sekadar untuk bertanding tetapi meminta kerusi yang difikir boleh menang.

Bellau menyatakan, b a g a i m a n a p u n terpujanglah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir untuk menentukan kata putus untuk MIC.

Menyentuh dengan kenyataannya tempoh hari mengenai kedudukan Exco Negeri Selangor, Datuk V.I.Kandan, bellau me-

nyatakan nama Datuk Kandan telah disertakan dalam senarai yang dihantarkan nanti.

"Terserah kepada Perdana Menteri untuk menentukan sama ada Datuk Kandan perlu bertanding sekali lagi atau tidak," tegas bellau.

Mengenal peluang calon-calon MIC yang akan bertanding bellau menyatakan, peluang calon MIC seperti juga dengan calon-calon parti komponen BN yang lain adalah cerah.

Katanya, bellau yakin BN akan menambahkan kerusi dari yang ada sekarang memandangkan ketegasan pentadbiran 2M iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam.

Sementara itu, Senator S.Subramaniam menyatakan bellau masih belum mengetahui di mana bellau akan bertanding dalam pilihanraya umum nanti.

"Terserahlah kepada pucuk pemimpin BN untuk menentukannya," ujar bellau.

Berita Harian difahamkan kerusi Damansara dijangka akan diberi kepada MCA dan calonnya ialah Encik Tan Soon Kwan, wakil rakyat Raub.